

## Pelanggan yang dihormati,

Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan kemalangan diri kekal akibat kemalangan, perlindungan terhadap penyakit-penyakit kanser yang berkaitan dengan kanser wanita, serta perlindungan terhadap jenayah di dalam satu pelan komprehensif.

Tarikh: 01/06/2026

## 1 Apakah itu Femina Special?

Femina Special ialah pelan kemalangan diri yang menyediakan pampasan perlindungan untuk kemalangan diri untuk kematian, ketidakupayaan kekal akibat kemalangan, perlindungan terhadap penyakit-penyakit kanser yang berkaitan dengan kanser wanita, serta perlindungan terhadap jenayah di dalam satu pelan komprehensif.

## Kontrak Syariah Yang Diguna Pakai

Kontrak Syariah yang diguna pakai di bawah produk ini ialah Tabarru', Wakalah, Jualah, dan Qard. Untuk definisi kontrak syariah, sila rujuk sijil takaful.

## 2 Ketahui Perlindungan Anda

Untuk tempoh perlindungan selama setahun, anda akan menerima perlindungan takaful berikut:

| No. | Manfaat                                                                | Jumlah Manfaat (RM)         |
|-----|------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|
| 1.  | Kematian akibat kemalangan                                             | 100,000                     |
| 2.  | Ketidakupayaan kekal                                                   | Sehingga 200,000            |
| 3.  | Tunai Ihsan                                                            | 2,000                       |
| 4.  | Kanser wanita                                                          | 20,000                      |
| 5.  | Kematian akibat komplikasi bersalin                                    | 20,000                      |
| 6.  | Pembedahan rekonstruktif muka atau rawatan pergigian akibat kemalangan | Sehingga 10,000             |
| 7.  | Tunai ihsan akibat ketidaksuburan akibat kemalangan                    | 10,000                      |
| 8.  | Elaun kemasukan ke hospital akibat kemalangan                          | 100 sehari, sehingga 10,000 |
| 9.  | Perbelanjaan perubatan akibat kemalangan                               | Sehingga 5,000              |
| 10. | Pembedahan kulit akibat kemalangan dan/atau kelecuman                  | Sehingga 5,000              |
| 11. | Yuran ambulans                                                         | Sehingga 500                |
| 12. | Penculikan                                                             | Sehingga 30,000             |
| 13. | Ragut                                                                  | Sehingga 1,000              |
| 14. | Perlindungan pengeluaran tunai mesin juruwang automatik                | Sehingga 1,000              |
| 15. | Tunai Ihsan bagi keganasan rumah tangga                                | 500                         |
| 16. | Bonus kemakmuran keluarga bagi kelahiran anak kembar dua atau lebih    | 1,000                       |

### Nota:

- Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui sijil takaful setiap tahun.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Sijil anda tidak melindungi:

- Penyakit sedia ada dan penyakit khusus;
- Keadaan kongenital;
- Mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau percubaan membunuh diri;
- Kemabukan akibat alkohol atau dadah;
- AIDS atau kehadiran sebarang HIV;
- Gangguan mental dan saraf;
- Komplikasi penyakit venereal;
- Menyertai pasukan tentera laut, darat, udara, polis, jabatan bomba atau yang lain-lain;
- Mengambil bahagian dalam pekerjaan berbahaya;
- Peperangan, mogok, rusuhan atau kekecohan awam, kontaminasi radioaktif atau nuklear dan tindakan penganas; atau
- Mengambil bahagian dalam sukan dan aktiviti berbahaya

**Nota:** Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk takaful kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-13-8888  
(Etiqa Online)



Layari Layari  
<https://www.etiqa.com.my/kemalangan-diri>



Emel kepada [info@etiqa.com.my](mailto:info@etiqa.com.my)



Imbas kod QR

### 3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Femina Special, jumlah sumbangan yang perlu dibayar adalah berbeza berdasarkan umur. Sebagai ilustrasi untuk jumlah dilindungi RM100,000.000, anda harus membayar sumbangan tahunan sebanyak:

| Kumpulan Umur                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | 18 hingga 40 tahun | 41 hingga 70 tahun |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------|--------------------|
| Sumbangan Asas                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | RM 255.00          | RM475.00           |
| <b>Anda juga harus membayar fi and caj berikut:</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                    |                    |
| Komisen Dibayar Kepada Pengantara (Daripada Sumbangan Asas)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | 25% atau RM 63.75  | 25% atau RM 118.75 |
| Cukai Perkhidmatan (Daripada Sumbangan Asas)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | 8% atau RM 20.40   | 8% atau RM 38.00   |
| Jumlah Fi Wakalah (Daripada Sumbangan Asas)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | 60% atau RM 153.00 | 60% atau RM 285.00 |
| Duti Setem                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | RM 10.00           | RM 10.00           |
| Jumlah Sumbangan Perlu Dibayar                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | RM 285.40          | RM 523.00          |
| <ul style="list-style-type: none"><li>Pembaharuan sijil adalah tertakluk kepada umur 61 ke atas sehingga 70 tahun, dengan syarat bahawa kami berpuas hati dengan tahap kesihatan anda. Pembaharuan sumbangan adalah berdasarkan kumpulan umur 41 hingga 70 tahun.</li><li>Kadar sumbangan adalah tidak dijamin dan mungkin akan dinaikkan atau berbeza semasa sijil diperbaharui, berdasarkan kepada pencapaian umur empat puluh satu (41) tahun atau pengalaman tuntutan portfolio pengendali takaful di dalam perniagaan ini.</li><li>Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.</li></ul> |                    |                    |

### 4 Syarat Utama Lain

- Anda harus memberikan maklumat tepat dan cukup semasa permohonan. Anda harus mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi.
- Perlindungan takaful hanya berkuat kuasa apabila anda telah membayar sumbangan (Bayaran Sebelum Perlindungan).
- Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas sijil. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.

**Nota:** Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

### ? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Semasa pembatalan, Anda akan menerima bayaran balik sebahagian sumbangan dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan semasa tempoh takaful.